



## LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

29 SEPTEMBER 2019

### KENYATAAN

#### **PENCEMARAN SISA BAU PELARUT DI SUNGAI SEMENYIH**

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima laporan dari pihak Pengurusan Air Selangor bahawa bau seakan pelarut dikesan pada jam 2.31 petang semalam (28 September 2019) dengan bau 4 ton pada jarak 1.5 km dari muka sauk loji pembersihan air (LPA) Sg. Semenyih. Siasatan diteruskan bersama pihak Air Selangor berhampiran Bangi Villa dan punca bau didapati bermula dari Sg. Beranang yang mana bacaan pensampelan bau di kawasan terbabit mencapai sehingga 5 ton. Manakala bacaan pensampelan bau di kawasan alur bersebelahan kawasan perumahan Bukit Mahkota pula adalah 3 ton. Bau yang sama juga turut dikesan di loji rawatan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) Bandar Bukit Mahkota dan siasatan lanjut mendapati bau pelarut yang kuat berpunca dari pelepasan efluen loji IWK ini.

LPA Sg. Semenyih terpaksa dihenti tugas bermula jam 5 petang semalam dan LUAS telah menjalankan pensampelan *insitu* dan *exsitu* di takat pelepasan akhir loji IWK berkenaan. Pihak IWK telah menghentikan kemasukan aliran efluen ke loji mereka pada jam 8.15 malam. Ini diikuti dengan langkah penambahbaikan proses rawatan di loji berkenaan dengan menggunakan campuran kimia pada jam 10.45 malam. Agensi yang turut hadir memberikan bantuan selain pihak LUAS adalah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS), AIR Selangor, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan pihak Polis.

Insiden ini disyaki berpunca daripada pembuangan sisa yang tidak dibenarkan ke dalam sistem pembentungan dan tidak dapat dirawat oleh loji kumbahan. LUAS dan JAS melaksanakan siasatan ke kawasan sistem *manhole* jaringan pembentung awam di Bandar Bukit Mahkota untuk mengenalpasti perkara tersebut. Hasil siasatan mendapati satu (1) *manhole* yang berbau pelarut di sekitar kawasan perumahan Bandar Bukit Mahkota yang berkemungkinan menjadi lokasi utama kemasukan pelarut sebelum ke loji IWK tersebut.

Walaupun, pendosan *activated carbon* sebanyak 575 kg (23 bag) pada sekitar jam 3.00 pagi telah menurunkan kadar bau kepada 1 ton di kawasan *aerator*



## **LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

*tank* dan juga di pelepasan efluen loji. Berikutan peningkatan kadar pencairan sungai dengan hujan yang lebat maka, berlakunya penurunan bau di Sungai Semenyih. Sehubungan itu, LRA Sungai Semenyih telah mula beroperasi sepenuhnya pada jam 4.30 pagi tadi. Sekiranya didapati bersalah, pihak terbabit boleh dikenakan hukuman berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh JAS atau Seksyen 79 Enakmen LUAS 1999 tertakluk kepada hasil analisa pensampelan daripada Jabatan Kimia Malaysia nanti. LUAS bersama pihak terlibat sedang berusaha mengenalpasti punca pencemaran tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani situasi ini.

Disediakan oleh:

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**